

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

<b>Newspaper</b>	<b>Utusan Malaysia</b>
<b>Date</b>	<b>27/10/2011</b>

## Usahawan wanita perlu berani ubah minda untuk berjaya

MELAKA 26 Okt. - Usahawan wanita terutamanya yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana (IKS) perlu berani melakukan perubahan dari segi cara berfikir sekiranya ingin melihat produk yang dihasilkan mendapat pasaran di peringkat global.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, usahawan wanita kini berdepan dengan cabaran globalisasi yang semakin kompleks yang memerlukan golongan itu melakukan perubahan minda.

"Usahawan wanita kini perlu lebih berani dan berfikiran terbuka serta perlu melihat negara maju yang lain sekiranya mereka ingin berjaya dan tidak hanya bertumpu di kampung sendiri sahaja.

"Paling penting, memperkasakan usahawan wanita supaya berpandangan jauh dan mempunyai cita-cita untuk meneroka dan menemui pasaran baru di peringkat global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan berbeajuk, Perubahan Minda di Kalangan Usahawan Wanita IKS dalam Menghadapi Era Globalisasi sempena Konvensyen Antarabangsa Wanita Dalam Perniagaan Pertama (IWBC) 2011 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Presiden Usahanita Malaysia, Faridah A. Jabbar.

Dr. Mahathir berkata, selain pe-



DR. Mahathir Mohamad meluangkan masa membacakan buku cerita dalam bahasa Inggeris kepada sebahagian kanak-kanak sempena Konvensyen Antarabangsa Wanita Dalam Perniagaan Pertama di Melaka, semalam.

rubahan minda, usahawan wanita tempatan juga perlu mengaplikasikan kemudahan teknologi seperti Internet yang menjadi medium berkesan dalam mempromosikan produk ke seluruh dunia.

"Pada masa ini, apa yang paling penting dalam menjalankan perni-

agaan adalah berfikir, berkomunikasi dan bergerak dengan pantas ke mana sahaja dan penggunaan Internet adalah cara paling berkesan," katanya.

Melalui internet, kata Dr. Mahathir, usahawan wanita dapat mengiklankan dan mempromosikan produk mereka jauh lebih murah

dan dapat dicapai oleh seluruh penduduk dunia berbanding dengan menggunakan media cetak dan elektronik yang jauh lebih mahal.

Dr. Mahathir berkata, aktiviti perniagaan kini banyak dilakukan secara dalam talian dan digemari pembeli kerana ia menjimatkan masa.